

**D.R. 16/95**

**Naskhah Sahih — Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1995.

Tajuk ringkas.

2. Akta Lembaga Pelabuhan 1963, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 16A—

Pindaan seksyen 16A. Akta 488.

(a) dengan menggantikan dalam subseksyen (1) dan (3) perkataan "1989" dengan perkataan "1990"; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Where a reply is received from the authority as regards the memorandum submitted under subsection (1) indicating the decision of the authority to disallow the change in the existing structure of charges as contained in the memorandum, any person or body of persons who is aggrieved by the decision of the authority may, within fourteen days from the date of such decision, appeal to the Minister whose decision shall be final."

Pindaan  
seksyen 47.

**3.** Seksyen 47 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) The powers referred to in subsection (1) shall include the power to amend the name of any port under the First Schedule."

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda subseksyen 16A(1) dan (3) untuk menunjukkan nama sebenar Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaaan). Ia juga bertujuan memasukkan subseksyen baru (2A) kepada seksyen 16A bagi membolehkan rayuan dibuat berkenaan dengan struktur caj.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 47 Akta untuk memasukkan subseksyen baru (1A) untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong meminda nama mana-mana pelabuhan dalam Jadual Pertama kepada Akta.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1874.]